



Headline	Latih pelajar jadi pemandu berhemah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	56	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,144
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,432



Latih pelajar jadi pemandu berhemah

Bangi: Dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dengan kerjasama Denso (Malaysia) Sdn Bhd mengambil inisiatif mengadakan kempen keselamatan jalan raya melibatkan penunggang motosikal di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI), semalam.

Kempen sehari itu diadakan bagi memberi pendedahan secara teori dan praktikal kepada pelajar supaya mengamalkan pemanduan berhemah di dalam dan luar kampus.

Timbalan Ketua Pengarah JKJR Sim Say Kiong berkata, kaedah praktikal mengendalikan motosikal ditunjukkan kepada mereka sepanjang kempen.

"Sejak sedekad lalu, golongan penunggang dan

pembonceng motosikal paling berisiko terbabit kemalangan jalan raya dan 60 peratus kes kematian dicatatkan setiap tahun membabitkan mereka.

"Ini disebabkan sikap mengabaikan peraturan jalan raya dan penunggangan kurang berhemah seperti dilaporkan Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)," katanya

selepas merasmikan Kempen Kesedaran Jalan Raya Denso 2013.

Hadir sama, Pengarah JKJR Negeri Selangor Nor Laily Zakaria, Pengarah Urusan Denso Nobuyuki Inoue, Pengarah Denso Tatsuhiro Joo, Dekan UniKL MFI Haron Abas, Timbalan Dekan Akademik dan Teknologi Unikl MFI Dr Khairul Parman Zakaria dan Timbalan Dekan TeknoUsahawan dan Hal Ehwat Pelajar Dr Mahamad Noor Wahab.

FAKTA

Kempen sehari beri pendedahan secara teori dan praktikal kepada pelajar